

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (KEADAAN JEREBU DI SELURUH NEGARA)

TARIKH: 19 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 02

JAS keluarkan 27 kompaun bernilai RM2,000



KEBAKARAN terbuka di kawasan Johan Setia, Klang menjadi antara penyumbang kepada masalah jerebu yang semakin teruk di Selangor.

SHAH ALAM - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mengeluarkan 27 kompaun bernilai RM2,000 kepada pihak dan individu yang disyaki melakukan pembakaran terbuka di kawasan kebun, ladang dan tapak pelupusan sampah haram di sekitar Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian berkata, tiga kertas siasatan juga sedang dilengkapkan pihak JAS atas kesalahan

pembakaran terbuka mengikut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di seluruh negeri ini.

Difahamkan tiga kertas siasatan itu melibatkan dua tanah pertanian di Johan Setia, Klang dan satu berkaitan tapak pelupusan sampah haram di Teluk Gong, Klang.

"Rondaan bagi mencegah pembakaran terbuka akan ditingkatkan sehingga selepas tengah malam oleh agensi penguatkuasaan berkaitan," katanya dalam satu kenyataan semalam.